

MEMO

Tarikh : 4 November 2020, Rabu

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah MPC

Daripada : Akmar Ashaari
Pembantu Tadbir, Unit AST

Disokong : Encik Mohd. Wafi Haji Arip
Penolong Pengurus, Unit AST

Tajuk : MEMOHON KELULUSAN PERMOHONAN
PEROLEHAN (R.O) SELEPAS 15 OKTOBER 2020 BAGI
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN PERABOT DAN
PERALATAN PEJABAT

Assalamualaikum YBhg. Dato'.

2. Sebagaimana yang pihak YBhg. Dato' sedia maklum, semua urusan Permohonan Perolehan perlu dibuat sebelum 15 Oktober yang lalu. Walau bagaimanapun, memandangkan baru-baru ini berlaku perpindahan fizikal Unit HRMD, Unit Kewangan dan akan datang Unit PCT, perkhidmatan bagi mengangkut barangan sama ada untuk kegunaan semula atau pelupusan diperlukan bagi mengoptimumkan penggunaan ruang di MPC.

3. Untuk makluman YBhg. Dato', kelulusan peruntukan bagi kerja-kerja di atas telah didapatkan daripada Mesyuarat Lembaga Pengurusan seperti Keratan Minit Bilangan 919/2020 yang dilampirkan.

4. Sehubungan dengan itu, Unit Aset ingin memohon kelulusan YBhg. Dato' bagi meluluskan Permohonan Perolehan bagi setiap keperluan perkhidmatan pengangkutan yang dijangka akan dijalankan dalam beberapa fasa sehingga penghujung tahun ini.

5. Pertimbangan dan kelulusan daripada YBhg. Dato' amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Disediakan Oleh:



Akmar Ashaari
Unit Aset,
MPC

Disokong Oleh:



Mohd. Wafi Haji Arip
Pen. Pengurus, Unit Aset,
MPC

Diluluskan Oleh:



Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah,
MPC